

PILIHANRAYA KECIL

Chedet.cc

11 May 2015

Tun Dr Mahathir Mohamad

1. Apabila pilihanraya kecil bermula di Rompin dan Permatang Pauh, saya diberitahu oleh penyokong Najib bahawa PRK ini akan membuktikan sokongan kuat kepada Dato Sri. Dakwaan saya yang Najib tidak popular akan meleset.
2. BN akan menang besar di Rompin kerana ini kubu UMNO dan JJ amat popular. Lagipun calon PAS lemah dan PAS mempunyai masalah dalaman.
3. Di Permatang Pauh pula parti lawan berpecah kerana hudud PAS. PAS tidak akan sokong PKR. Azmin Ali pula berhasrat mengalahkan Wan Azizah. Ada kemungkinan BN boleh menang pun.
4. Kejayaan UMNO dan BN dalam kedua-dua PRK akan menunjuk bahawa dakwaan saya Najib tidak disukai ramai adalah salah. Dan Najib boleh dapat kemenangan dalam PRU 14.
5. Saya berada dalam keadaan serba salah. Sebagai ahli UMNO saya hendak BN menang. Tetapi kemenangan akan mengekalkan kepimpinan Najib dalam PRU 14. Dan saya yakin BN pimpinan Najib akan kalah PRU 14.
6. Keputusan PRK di kedua-dua kawasan menunjuk sangkaan penyokong Najib bahawa dakwaan saya yang Najib tidak dapat sokongan ramai lebih tepat dari harapan mereka.
7. Sesungguhnya saya menghadapi dilema sejurus selepas Dato Sri Najib mengambilalih tampuk Kerajaan dari Tun Abdullah. Harapan saya bahawa Najib akan betulkan kesalahan Abdullah tidak menjadi kenyataan.
8. Sebaliknya ia mengekalkan dasar dan tindakan Abdullah. Bukan sahaja jambatan dan landasan berkembar keretapi tidak dilaksana, ia mendokong kononnya liberalisme Abdullah.
9. Dasar luar negara juga ditukar dengan mengutamakan persahabatan dengan kuasa besar seperti AS dan Eropah.
10. Secara tersembunyi ia mengambil penasihat British dan mengguna pakar runding (consultant) luar.
11. Ia gemar mengadakan perhimpunan rakyat upahan yang menatang sepanduk kecil yang dibekal kepada mereka dengan tulisan "I love PM" dan menyanyi lagu "IM4U". Mereka ini datang kerana dibawa dengan bas dari jauh, diberi makan dan upahan.
12. Untuk mendapat sokongan orang Cina, Najib membelakangkan DEB, mengurangkan tempat dan biasiswa bagi penuntut bumiputra di universiti, dan melayan segala tuntutan parti pembangkang. Dipercayai bahawa dengan slogan "Ah Jib Gor" abang Ajib, orang Cina akan sokongnya.
13. Najib juga percaya bahawa wang tunai adalah raja (cash is king). Jika wang diberi maka rakyat akan sokong dirinya. Maka diperkenalkan BR1M, wang percuma untuk rakyat.

14. Sebelum PRU 13 diarah supaya dikumpul 70,000 orang Cina di Kelang untuk mendengar kempenya. Tak sampai 15,000 yang datang. Mereka tidak hirau ucapan Najib. Najib kalah teruk di sini pada PRU 13.

15. Saya tidak percaya semua ini akan memulihkan sokongan kepada BN. Tetapi sangkaan saya ialah prestasinya dalam PRU 13 akan menjadi lebih baik dari Abdullah.

16. Harapan saya tidak menjadi kenyataan. Prestasi Najib lebih buruk dari Abdullah.

17. Saya harap Najib akan ambil iktibar dari PRU 13. Tetapi tidak. Ia meneruskan dengan pemberian wang. Ia masih mengekalkan penasihat Britishnya. Tingkat 4 diperbesarkan. Pejabat PM dipenuhi dengan ramai anggota yang diberi tugas-tugas ciptaan. Gaji yang diberi tidak mengikut system gaji pegawai Kerajaan.

18. Jawatan-jawatan bertaraf menteri diwujudkan untuk memberi tempat kepada yang bersara. Ditubuhkan badan bebas yang mengambilalih kerja dan tugas jabatan-jabatan Kerajaan seperti EPU. Mereka ini dibayar gaji yang tinggi, yang menyebabkan pegawai Kerajaan berasa kecewa.

19. Saya didatangi oleh ramai kumpulan-kumpulan dan individu yang mengadu terhadap kepimpinan Dato Sri Najib. Mereka datang berkali-kali dan meminta saya buat sesuatu supaya Najib berhentikan dasar dan pendekatannya.

20. Yang datang bukan sahaja orang Melayu dan ahli UMNO tetapi juga orang Cina. Mereka amat tidak senang dengan isteri Najib, dengan cara hidup mewahnya, dengan lagaknya seakan-akan ia Perdana Menteri.

21. Menerima desakan dari mereka ini saya cuba nasihat dan tegur Dato Sri. Tetapi tidak berkesan. Ia yakin caranya, pemberian wang olehnya akan memikat hati orang ramai. Dia percaya benar bahawa rakyat begitu sayang dengannya. Dia percaya walaupun UMNO dan BN tidak popular tetapi ia begitu disukai ramai dan ia akan jadikan dirinya sebagai idola dan ikon UMNO dan BN. Ia percaya perhimpunan-perhimpunan besar yang diadakan, dengan sepanduk I love PM membuktikan betapa rakyat suka kepadanya.

22. Desakan supaya saya membuat sesuatu untuk menyedarkan Najib akan kemerosotan sokongan kepadanya, dan kebencian kepada tindak-tanduknya serta cara hidup mewah isterinya datang bertalu-talu kepada saya.

23. Buatlah sesuatu, kata mereka. Saya jawab saya sudah buat tetapi tidak berkesan.

24. Tetapi, apabila saya mula mendengar berkenaan 1MDB, saya berasa keadaan sudah menjadi amat serius. Pada masa itu maklumat tidak banyak. Saya terpaksa buat keputusan untuk hantar kepada Najib surat menyatakan saya tidak sokongnya lagi.

25. Najib hanya mengarah orang berdekatan dengannya supaya saya tarik balik surat saya. Kerana ia tidak dedah penarikan sokongan saya, terpaksa saya dedah sendiri.

26. Saya terima lebih banyak maklumat berkenaan 1MDB. Saya terkejut dengan jumlah hutang yang begitu tinggi. Kerajaan sendiri tidak pernah hutang begitu banyak. Hutang ini pula dibuat secara off-budget, iaitu tanpa mendapat kelulusan Kabinet atau Dewan Rakyat.

27. Saya tidak dapat terima pembelian stesen janakuasa dengan harga lebih tinggi dari harga pasaran. Ini bukan soal satu dua juta atau sepuluh duapuluh juta. Kelebihan harga mencecah ribuan juta sedang lesen operasi kilang sudah hampir tamat dan nilainya akan jatuh kepada ratusan ribu ringgit sahaja. Kenapa tidak tunggu sehingga tamat lesen.

28. Bila ditanya Najib berkata apabila nilai naik, kilang-kilang boleh dijual untuk mendapat untung. Ini bukan kerja Kerajaan – jual beli syarikat.

29. Saya tidak percaya 1MDB akan dapat untung dari penjualan kilang yang dibeli dengan harga begitu tinggi. Hari ini kita tahu yang syarikat kilang elektrik 1MDB tidak pun dapat disenarai di bursa.

30. Saya dapati penarikan sokongan saya kepada Najib tidak berkesan. Sementara itu masalah 1MDB semakin meruncing. 1MDB tidak dapat bayar faedah keatas hutang 42 billionRinggit. Wang yang kononnya dilabur di Cayman Islands tidak dapat dibawa balik.

31. Pelaburan dan JV dengan Petro Saudi kabur dan wang pelaburan tidak begitu jelas di mana berada.

32. Apabila laporan polis dibuat berkenaan Jho Low dengan 1MDB, rumah pihak yang melapur dirampas dan diannya diisytihar muflis.

33. Pemberita yang melapur bahawa Majlis Raja-Raja tidak bersetuju dengan hudud PAS telah ditangkap kerana kononnya menyalahi undang-undang hasutan. Kemudian hakim melepaskan mereka kerana ia bukan hasutan.

34. Tindakan ke atas pemberita disyaki untuk menakutkan orang ramai dari membuat apa-apa kenyataan anti-Kerajaan.

35. Saya berasa terdapat salahguna kuasa oleh Kerajaan. Agensi-agensi Kerajaan diguna untuk ugutan. Rakyat semakin tidak suka kepada Kerajaan. Saya lebih berkeyakinan BN akan kalah PRU 14 jika dipimpin oleh Najib.

36. Saya tidak dapat terima negara diperintah oleh Pakatan. Dasar-dasar dalam parti-parti dalam pakatan bertentangan antara satu dengan yang lain. DAP lebih utamakan kepentingan orang Cina. PAS mendakwa ia bukan Melayu, hanya Islam. Keislaman PAS hanyalah untuk politik bukan sebenarnya untuk Islam. Sebab itu PAS mengkafirkan UMNO kerana bekerjasama dengan orang kafir tetapi kemudian PAS memeluk orang kafir. Parti Keadilan hanya untuk Anwar jadi Perdana Menteri.

37. Jika Pakatan menjadi Kerajaan, huru-hara akan berlaku. Kemajuan negara akan terjejas dan rakyat semua kaum akan menderita.

38. Saya sedar jika saya tidak sokong Najib parti lawan akan ambil kesempatan. Sebaliknya jika Najib pimpin BN dalam PRU 14, BN akan kalah. Luah mati mak, telan mati bapak.

39. Jika kepimpinan UMNO dan BN hendak ditukar, ia harus dibuat sebelum masa untuk pemulihan terlalu singkat sebelum PRU 14.

40. Akhirnya saya terpaksa dedah kesalahan Najib dalam 1MDB. Duit berbillion Ringgit sudah hilang dan tidak mungkin didapati balik. Secara langsung atau tidak langsung Najib bertanggungjawab terhadap kehilangan yang besar ini.

41. Kerana perbuatan yang tidak bertanggungjawab ini Najib tidak lagi layak untuk menjadi Perdana Menteri Malaysia.

98 thoughts on “PILIHANRAYA KECIL”

1. [Log in to Reply musato](#) May 17, 2015 8:21 PM

Terima kasih kerana membaca pendapat saya.

Tapi saya telah diajar oleh Tun untuk bagi respon dalam masa 3 hari.

Tapi Dato Seri Najib ajar saya untuk bagi respon dalam masa 7 hari sebab sibuk dengan jawatan Perdana Menteri.

Tapi saya pasti masa Tun Mahathir jadi Perdana Menteri pun beliau sedia bagi respon dalam masa 3 hari atau bagi jawapan spontan secara terus kerana sentiasa mengambil tahu mengenai perkara berkaitan. Ia berkenaan perkara yang berada dalam otak kita.

Kalau takde dalam pengetahuan otak kita bagaimana nak menjawab, kan?

Apa guna ada kakitangan yang ramai yang boleh bagi fail maklumat, kan.

2. [Log in to Reply suhainin suhaibul](#) May 17, 2015 1:47 PM

Assalamualaikum Tun.....

Nama ini – Dr. Mahathir Mohamad – pernah ditanyai ianya kepada seorang penggiat seni yang gah dengan hasil seninya yang kreatif dan tersohor seluruh Malaysia ***** Mohamad Nasir Mohamad (M.Nasir)*****

M.Nasir: Bila ditanyai tentang Dr.Mahathir Mohamad....dia berkata.... SIAPA DR.MAHATHIR?.....dalam bahasa "Orang Seni".....lalu akibat salah faham dengan perkataannya itu, Hasil Karya M.Nasir dan M.Nasir sendiri "DiGam" lebih setahun.....kemudian.....sekatan itu ditarik semula kerana industri hiburan Malaysia menjadi malap tanpa M.Nasir.... Bayangkan, hanya kerana perkataan "Simple" itu, M.Nasir seumpama diberikan "Hukuman Mati".... Apakah ianya berlaku di zaman Tunku Abdul Rahman sehingga Abdullah Ahmad Badawi dan Najib Razak? Saya tertanya-tanya dalam hati- Mengapa M.Nasir dihukum? – Apakah ianya tentang soal kebongkakan,keangkuhan dan kesombongan hati seorang pemimpin?

Kemudian bilamana Tunku Abdul Rahman mengkritik cara kepemimpinan serta corak bawaaan pimpinan, pemimpin bernama Dr.Mahathir Mohamad.....lalu.... Tunku Abdul Rahman diherdik, diperlekehkan serta dipulaukan sehingga lah beliau menghembuskan nafas terakhir beliau.Apa ertinya semua ini? Apakah ianya masih berlaku di zaman Abdullah dan Najib?

Pernah suatu ketika Dr.Mahathir Mohamad meluahkan kata janji kepada Datuk Harris Salleh (Ketua Menteri Sabah) yang memerintah Sabah dari tahun 1976 hingga 1985.Kata janji itu berbunyi lebih kurang begini:- "Jikalau tenggelam, kita tenggelam bersama.".....kemana janji itu? Apa ertinya semua itu? Mainan Politik? Hanya pemain politik yang memahaminya. ***** "Jikalau tak tahu lebih baik diam?"*****lalu.... fahamlah saya akan mengapa salah seorang daripada mentor saya – "Profesor

Syed Hussein Alatas" – menjaraki dirinya daripada politik. Bukan kerana lemah;...tetapi...semata-mata kerana Allah. Apakah beza antara "Politik" dan "Hukum Rimba"?

Pun..... "Bumi mana tidak di timpa hujan?" – "Lautan mana yang tidak bergelombang?"..... Syukur Alhamdulillah..... kerana..... pagi ini kita masih berpeluang menghirup udara segar pagi, serta masih terbuka pintu taubat bagi sekalian kita.

Saya sudah bosan menyebut "Kisah 2003".....tetapi..... terpaksa juga saya nyatakan kerana ada "banyak mata daripada mereka yang mengerti" sedang menatap. Sebermula sahaja kisah 2003 – saya tahu bahawa saya tidak akan dapat apa-apa selain kehinaan,keadilan,kedukaan dan kesakitan daripada kisah 2003 itu.....kerana..... Dr.Mahathir ada berkata begini seawal kisah itu : "Apa yang saya dapat?".... Hati saya berkata "Apa makna perkataannya itu?".....pun saya teruskan juga melayari kisah 2003 itu, walau dalam kesengsaraan.... kerana.... saya tiada pilihan untuk "Berhenti". "Bus Stop" sudah "Full House".

Hanya itukah yang mahu Dr.Mahathir wariskan kepada rakyatnya?atau.... Apakah saya yang tidak mengerti? Dr.Mahathir selalu melontarkan kata-kata "Meterialistik" kepada orang lain....tetapi.... Apakah mata Dr.Mahathir telah buta lalu tidak terlirok akan hidup anak-anaknya sendiri yang kaya- raya.Jangan Tanya daripada mana mereka mendapat kekayaan itu; Mereka kan berniaga?.Hanya anak-anaknya yang boleh kaya? jikalau orang lain cuba untuk kaya; tuduhan "meterialistik" akan dilekatkannya di dahi mereka.Rakyat biasa boleh pi mampus.....jadi "Kambing Hitam" boleh lah.....hanya sembelihan.

Tidak mengapa.....kerana..... "MASA" telah tiba dan kalian lah yang akan menanggung dan dibebani dengan segalanya itu nanti.

Bagi saya..... setakat yang mampu saya ingati..... walau pun "sehelai sepinggang".....tetapi.... telah menunaikan segala janji saya untuk kisah 2003 itu.Termasuk lah kata-kata ini – "Dia tu pemurah tapi kasihan kerana sudah bangkrupsi.".....Perkataan "Bodoh" tidak perlu diungkitkan kerana "Janji" itu akan ditanyai Allah kepada setiap kita kelak di "Padang Mahsyar". Apakah hidup di dunia ini kekal?

Janji terakhir "kisah 2003" yang sedang cuba saya lunasi ialah perkataan ini – " Kamu lihatlah saya bangkit kembali; bermula daripada SATU".

Apakah Tun menyangka bahawa saya marah dan benci akan Tun? Tidak sama sekali Tun. Jauh sama sekali dari niat dan rasa sebegitu. Saya sekadar cuba mengaplikasikan bimbingan daripada Tun; Iaitu "Menegur Pemimpin".

<http://www.youtube.com/watch?v=DM4i6ZoHXgE>

Assalamualaikum Tun... semoga Tun dan Keluarga dilimpahi rahmat Allah.

3. [Log in to Reply wajaperak](#) May 17, 2015 1:38 PM

Assallammualaikum Tun.

Mohon ruangan.

Saya tidak bersetuju dengan Daeng.

Moga Najib insaf itu sahaja..

Tun..

Semalam dengan bangganya Majib telah tidak membuat keputusan yang bijak.

Dia menaikkan elaun Cikgu Beso dan mereka yang berkaitan dengannya sempena hari Guru.

Betul Tun.

Cikgu banyak berjasa kepada kita tetapi perkhidmatan pendidikan bukanlah perkhidmatan kritikal. Maksud kritikal ialah bermula dari keperluan manusia yang paling asas. Kita akan sanggup mendedahkan kemaluan bila dipaksa hanya kerana sesuap makanan atau seteguk minuman..
Itulah hieraki kritikal..
Najib tidak mengerti dan makin mengundang kemarahan rakyat.
Banyak perkhidmatan kritikal yang lebih perlu diutamakan.
Tun..
On the lighter note marilah kita ambil pengajaran di atas 'kekejaman' referee perlawanan FA melibatkan Terengganu semalam.
Dia telah bersalah 'memenangkan' pasukan Cat 12 dari Singapura.
Referee tidak mengerti akibat kebodohan dan kesombongannya..
Dia mendatangkan kerugian tidak terhingga kepada mata pencarian dan harta benda penyokong dan pemain serta rakyat Terengganu.
Begitulah sikap orang-orang kejam, bodoh angkuh dan sombong..
Marah sungguh saya semalam kerana kezaliman dan kejahatan seorang referee..
Begitulah keadaan yang serupa sedang berlaku di Malaysia..
Mereka yang sombong, jahil dan kejam akan sentiasa tidak mengerti akibat perbuatan mereka..

TERIMAKASIH TUN.

4. [Log in to Reply daeng](#) May 17, 2015 12:44 PM

Assalam.

Saya sehaluan dengan komen-komen Tuan Othaman Ahmad dan Hajar.

Teruskan perjuangan menjatuhkan Najib Tun.

UMNO di bawah teraju Najib hampir serupa di bawah Abdullah Badawi.

Pengaruh UMNO kian merudum di bawah pimpinan Najib.

Ahli UMNO hanya ada 1 pilihan sahaja samada mahu kekalkan Najib Rostuya terus berkuasa tetapi UMNO / BN akan hancur pada PRU akan datang ATAU gulingkan segera Najib Rostuya agar UMNO / BN terus relevan dan dihormati pada masa-masa akan datang.

Najib Rostuya jangan perasan, apa sahaja yang dilakukan kamu rakyat tidak menyukainya.

BR1M umpama pemberian wang kepada seseorang. Manusia mana yang tidak mahu wang. Bak kata pembangkang dan anti kerajaan, mereka beri kita ambil. Bila masa kita memangkah kita tunaikan tanggungjawab sebagai pengundi. Dia (Najib Rostuya) bukan tahu kita pangkah siapa.

Kalau kita rasa kita mahu memberi kita pastikan diri kita cukup wang. Maksudnya jika ada lebihan maka baru kita memberi. Najib mengatakan BR1M adalah idea Bank Negara???? Idea yang diperolehi dari sesiapa sahaja badan / individu jika kamu sebagai PM tidak bijak membuat keputusan, maka kamu bertanggungjawab sepenuhnya.

Begitu juga 1MDB Najib Rostuya adalah penasihatnya. Sebahagian atau semua isu yang timbul ianya adalah tanggungjawab penasihatnya.

Begitu juga semua isu yang berbangkit dalam Malaysia, semuanya PM patut bertanggungjawab selagi dia menjawat sebagai PM.

Begitu juga kemerosotan mendadak sokongan rakyat pada BN dalam 2 PRK (Rompin dan Permatang Pauh) yang baru lalu adalah kesan dari pentadbiran Najib Rostuya sebagai PM.

Ahli UMNO dan majlis tertinggi masakan tidak tahu menganalisa keputusan PRK yang baru kita ketahui. Buatlah postmortem, adakah keputusan kemerosotan sokongan terhadap BN adalah kesan orang semakin benci Najib Rostuya atau sebab lain?

Pengamatan saya sebagai rakyat yang selama ini menyokong kerajaan mendapati, sebab utama kemerosotan sokongan rakyat kepada BN ialah kerana dasar kerajaan yang diperkenalkan Najib Rostuya yang bodoh lagi bahalol adalah punca utamanya.

Ditambah dengan penyokong seperti Ahmad Maslan yang bengap dan Hishamudin yang bangang menambahkan lagi Najib Rostuya perasan dirinya disukai rakyat.

Sekian Tun.

5. [Log in to Reply Fariq Islam](#) May 17, 2015 12:06 PM

Assalamualaikum, Tun.

Tidak dapat dinafikan yang sokongan Rakyat terhadap Najib terkikis. Ini disebabkan pelaksanaan GST, yang kononnya, pada peringkat permulaan, di mana-mana negarapun, sokongan Rakyat akan jatuh sedikit kerana belum bersedia menerima sistem baru sepenuhnya.

Dalam soal Najib membelakangkan kepentingan Melayu demi memperoleh sokongan Cina. Itu tidak betul sama sekali. Banyak projek, bahkan lebih banyak berbanding dengan era Tun, telah diberi kepada kontraktor Melayu. Lebih 70% penerima BR1M adalah Melayu.

Untuk memajukan negara kita, tak salah Najib mengeratkan hubungan dengan kuasa-kuasa asing, demi menarik pelaburan asing. Tanpa pelaburan asing, negara kita akan ketandusan peluang pekerjaan. Pengangguran akan mengakibatkan kemelesetan ekonomi.

Baik Tun bersara dengan hati yang tenang. Janganlah terlalu campur-tangan sehingga terjadinya imej yang kerajaan BN tidak berkemampuan mengurus.

6. [Log in to Reply sibotak](#) May 17, 2015 10:56 AM

Sedar tak kita sekarang apabila TUN menyoal 1MDB
Pembangkang PKR , DAP Lim sudah kelihatan sunyi mengenai 1 MDB
Mereka lebih menyoalkan persoalan lain
Sememangnya itu kerja mereka bagi mereka berusaha untuk menduduki Putra Jaya

Tun Mahathir lakukan ini semua untuk Malaysia
Sekarang Najib mengutamakan penasihat British yg duduk di Putra Jaya

INI MENGUNDANG PENYAKIT

Seperti Pak Lah mengundang IDR di Johor
Mengundang Penjajahan Asing lebih pada perlabuhan

Sama sekali saya lihat tidak ia menguntungkan Malaysia
Tanah di jajah , anak bumi masih tidak mempunyai perkerjaan
Sebab mereka memilih perkerja asing LEBIH dari anak bumi Malaysia
Ini nyata Tanyalah Menteri Tenaga Buruh di Johor
Kalau pun ada anak Bumi ada mereka di bayar gaji lebih rendah dari anak Cina dan pekerja Asing
Ini sudah isu perkauman Gaji
Tenaga Buruk berhak masuk campur

JADI APA UNTUNGNYA PROJECT BODOH IDR ini
UNTUK SIAPA ?
APA TUJUAN MENGAJIKAN PENASIHAT BRITISH DI PUTRAJAYA ?
APA ANGGOTA UMNO SEMUA TIDAK ADA OTAK BERFIKIR
MALAS atau TUJUAN NAK BERLAGAK SAJA ?

KALAU BERGITU SAYA CADANGKAN BANGLA JADI PERDANA MENTERI MALAYSIA
MEREKA LEBIH MURAH ,LEBIH BIJAK WALAU NAMPAK BODOH ,TAK BANYAK PAKAI MODAL
BANGLA , DON,T QUITE NEED MANY MANY MONEY LIKE THE BRITISH

APA ERTI INI SEMUA ?

Terlihat setiap tindakan Kerajaan UMNO tidak perinci akan tujuan dan madsud mereka
Semua main Asal Bolih sahaja tanpa Keputusan yg Bertanggung Jawab

Kelihatan setiap senjata UMNO sudah makan Tuan
Tunggu saja apabila Penasihat British Najib berakar umbi di Putra Jaya
Mana duduk Najib kelak , mungkin Bini Najib dan Najib kena buat Kopi untuk Penasihat British

Eh ! Kaum Dayak yg pakai cawat pun bolih fikir sendiri
Maruah mereka tidak tergadai

7. [Log in to Reply](#) **Tanggung** May 17,2015 9:01 AM

Salam Yg Bhg Tun,

Didalam PRU13 2013, didapati berlakunya yang dikatakan tsunami bangsa Cina. 9 daripada 10 orag Cina mengundi Pakatan. BN hanya menang majority mudah. Maka melentinglah UMNO terhadap kaum Cina. Utusan Malaysia didalam headline nya bertanya "Apa lagi Cina Mau". Maka bermulalah prasangka bangsa Melayu terhadap bangsa Cina. Begitu juga prasangka bangsa Cina terhadap bangsa Melayu. Melayu menganggap cubaan mayarakat Cina untuk berkuasa dinegara ini dan menggunakan parti2 Melayu lain sebagai kenderaannya. Negara menjadi huru hara. Isu2 sensitif ugama Islam, Raja-Raja Melayu menjadikan keadaan lebih huru hara. Jeritan "the fight shall continue!!" sentiasa berkumandang. Banyak komentor2 blog chedet berjuang untuk mempertahankan maruah dan kedaulatan bangsa Melayu. Banyak NGO Melayu juga berjuang dijalan membantah perkara2 sensitif itu sambil membuat beribu lapuran polis.

Terfikir kenapakah masyarakat Cina melakukan tsunami tersebut. Walhal, BN pernah mendapat sokongan padu daripada masyarakat Cina dimasa PRU tahun 2004. Peratus kemenangan BN semasa

itu adalah yang tertinggi yaitu sebanyak 90 peratus. Ini bermakna masyarakat Cina bukanlah bersifat prasangka sepenuhnya terhadap BN.

Satu ketika selepas PRU13 tersebut, seorang Pengetua sekolah jenis kebangsaan Cina tempat isteri saya berkhidmat telah menceritakan kepadanya. "Kita bukan mau ambik ini negara. Tetapi sekarang negara ada banyak hutang. Nanti negara susah. Kita niaga pun nanti jadi susah. Kita takut. Ini kita tak boleh sokong". Apakah sebenarnya masyarakat Cina telah mengetahui lebih awal mengenai pinjaman RM42 Bilion tersebut dan selanjutnya melakukan tsunami PRU13. Siapakah yang jahil sebenarnya didalam huru hara negara ini.

Didalam kemelut hutang negara sekarang ini, apakah masyarakat Cina akan memberikan sokongan padu mereka kepada BN untuk PRU14 akan datang. Atau adakah masyarakat rakyat awam Melayu akan memberikan sokongan padu mereka kepada BN dalam PRU akan datang ini.

Salam Tun.

8. [Log in to Reply milshah](#) May 17, 2015 8:04 AM

Assalamualaikum Tun,

Akhirnya Najib mahu menjawab soalan berkenaan 1MDB. Inilah yang diminta oleh semua orang setelah sekian lama. Rakyat mahu penjelasan.

Soalan berkenaan di manakah RM42 billion, Najib telah menjawab ianya dari aset Tun Razak Exchange sebanyak 70 ekar, dan Bandar Malaysia sebanyak 500 ekar.

Saya rasa tidak mungkin 1MDB membeli Tun Razak Exchange dan Bandar Malaysia dengan wang RM42 billion. Mungkin setelah aset itu dibeli dengan harga rendah, kemudian aset berkenaan dinilai semula (revaluation) sebagai RM42 billion.

Apa yang rakyat ingin tahu ialah apa yang 1MDB gunakan dengan duit RM42 billion (real cash) hasil pinjaman 1MDB dari bank-bank. Tentulah dapat duit sebanyak RM42 billion apabila membuat pinjaman.

"Real cash" dan "revaluation" adalah dua terma yang berbeza. Rakyat berminat dengan "real cash" Rm42 billion digunakan untuk apa.

Saya harap Najib akan terus menjawab berkenaan 1MDB ini. Bukan setakat soalan ini sahaja, tetapi juga soalan-soalan lain yang ditanya oleh Tun dan Rakyat.

9. [Log in to Reply HBT456](#) May 17, 2015 7:43 AM

71. Tdm knows his limitation politically.

72. Jika pm si anak bugis, si mb kedah itu anak si indian?

73. The grandson of an Indian immigrant and the first Malay commoner to become prime minister of Malaysia, Mahathir Mohamad turned the Muslim-majority Southeast Asian country into one of the developing world's most successful economies. During his 22 years in power he adopted pragmatic economic policies alongside repressive political measures, and showed that Islam was compatible with representative government and modernization. Abrasive and outspoken, Mahathir emerged as a Third

World champion and Islamic spokesman by condemning the West, not least for trying to impose liberal democracy and neo-liberal economics on developing nations. By raising living standards and winning international acclaim, he contributed to a sense of national identity, pride and confidence among ethnically diverse Malaysians. But in mixing business and politics, Mahathir encouraged cronyism and failed to prevent the spread of corruption. Authoritarian and impatient, he jailed opponents, sacked rivals and undermined institutions as he pursued his obsession with development. In retirement, he broke a promise to stay out of politics, falling out with his two successors while using all available means to protect his legacy.

74. Tdm, as retired pm, should encourage Malaysians to be more well versed in economics studies.

75. It will be great if he spends time to get a PhD in these studies to shape UMNO and BN to be more well versed in this subject.

76. Economics studies are created because of scarcity.

77. For other component parties, once bitten twice shy.

10. [Log in to Reply Othaman Ahmad](#) May 16, 2015 9:10 PM

Sama-samalah kita bersyukur dilimpahkan kurnia Illahi kesihatan & panjang umur kpd Negarawan Terulung demi keselamatan agama, bangsa & tanah air dari pembelotan & penyelewengan Najib & puak2 Liberal dek terasuk pujukan USA, UK & Spork.

Di sini saya ingin menangkis serangan puak anti TDM yg menuduh beliau turut membazirkan perbendaharaan berbilion RM semasa pemerintahannya.

Segala usaha TDM janganlah saja diambil kira dari aspek untung laba perniagaan tapi perlu juga dilihat di sudut perolehan intangible yg manfaatnya untuk jangka panjang. Bukankah kebijaksanaan TDM itu menyediakan ribuan peluang pekerjaan, kemahiran di bidang automobol & teknologi modern dalam heavy industries. TDM ingin mengangkat martabat bangsa yg kita pun boleh berdaya saing, tak perlu lagi mengimport atau membeli dari negara asing. Seiring dgn itu, infrastruktur negara juga dinaikkan taraf guna untuk kemudahan harian komersial & awam.

Trial & error TDM adalah usaha berani & bukannya inisiatif buluh kasap seperti yg diguna pakai si anak Bugis. Tiap dasar, perancangan, program, semasa pemerintahan TDM adalah telus, transparan & berintegriti tanpa kecelaruan, misteri & hanky-panky.

Sebelum era TDM taraf hidup Melayu bawahan amat daif & tak berkemampuan di segenap lapangan. Melalui TDM barulah rakyat bawahan mampu memiliki kereta, celik berkomputer, berpengetahuan IT (teknologi maklumat), masuk ke IPT di dalam & luar negara. Beliau juga merubah landskap negara ke arah negara paling cepat membangun & modern sambil mengekalkan imej Islam/Melayu serta kehijauan mesra alam semula jadi. Insya Allah akan saya huraikan di lain kesempatan.

11. [Log in to Reply joetamchi](#) May 16, 2015 9:01 PM

YaAllah
27 Rajab 1436-H

Selawat & Salam ya Rasulallah..
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ

<https://youtu.be/dhwdEtO5fJE>

#PerjalananMalaysia
#BerkiblatKaabah.
#BersatuUmmah.....
#Haq ALLAH.....

12. [Log in to Reply](#) **daeng** May 16, 2015 8:41 PM

Selamat kembali ke tanah air selepas mengerjakan umrah Tun.

Najib kita lihat dalam TV semakin melalut Tun.

Kesian Najib kesian Rosmah kesian baruah-baruah Najib

Orang tak bencikan UMNO tetapi semakin bencikan Najib dan pengampu-pengampunya....

Semuga Najib pendek umur hendaknya ...

13. [Log in to Reply](#) **HBT456** May 16, 2015 7:36 PM

66. Caspian2015, the ministers who said they dont know anything about 1mdb shows that they must be either sleeping, or tak faham pmo direction.

67. All they care is whether their voters in their constituencies support them or not.

68. Debate to Let who see?

69. To let othet political parties to see you die or I die In umno?

70. we are in 2015, not 1997.

14. [Log in to Reply](#) **HBT456** May 16, 2015 7:06 PM

57. Jika nak jawab, it has to start from look project ic and east policy.

15. [Log in to Reply](#) **joetamchi** May 16, 2015 6:57 PM

27 Rejab 1436
Salam israk mikraj

Suatu ketika dahulu..
Peristiwa Hikmah telah berlaku
Perjalanan indah seorang PENGHULU..
GURU kpd segala GURU..

YaAllah,
Selawat & Salam kpd Rasulullah.

16. [Log in to Reply](#) **joetamchi** May 16, 2015 5:50 PM

Tanah Melayu...
Bani Ta Mim...

3M
Ta = huruf ketiga
Mim =
Melayu Bersatu
Malaysia Maju
Muhamad SAW, kekasihMu..

YaAllah,
Selawat & Salam kpd Rasulullah..

17. [Log in to Reply sibotak](#) May 16, 2015 1:28 PM

Najib bertanggung jawab soal 1MDB
Najib mesti DIBERI DATE LINE : Tempoh Tarikh *****
Beliau perlu menyelesaikannya penyelidikan 1MDB
Kita 1 Malaysia menanti jawabanya dalam Transparency context Black & White
Tidak bolih beralih lagi Air sudah mendidih
Perlu juga parti Pembangkang memantau penyelidikan 1 MDB
Bukan dari pihak Kerajaan sahaaja

Kegagalan Beliau untuk menerangi masalah 1MDB akan mencerminkan
Pentakbiran Beliau sama sekali TIDAK BENAR
INI AKAN MENIMBULKAN KERESAHAN

Bila Najib itu dateline ?

18. [Log in to Reply ibumimi](#) May 16, 2015 10:01 AM

Assalam Ayahnda yg dikasihi.. sy dapat rasakan ketakutan yg Tun rasakan.. takut melihat kemunduran UMNO dibawah pemimpin yg dia sendiri dipimpin oleh isterinya.. sedangkan waktu semakin menghampiri, hanya kerana nak menyelamatkan kemewahan hidup mereka, rakyat terpaksa membayar..
hinanya mereka!!

Sy tahu niat Tun adalah ikhlas mahu memastikan UMNO dan rakyat selesa .. kami perlukan pemimpin yg dapat memastikan Malaysia makmur dan maju, bukan menggunakan duit kami untuk membiayai kemewahan mereka.

Selagi Allah kurniakan kesihatan, umur dan khudrat Tun.. teruskan biarpun mendapat kejian dan umpatan sebab ALLAH tahu nawaitu kita. Teruskan.. semuanya akan terbukti jua.

Terima kasih Tun, biarpun Tun boleh shj membiarkan.. tapi mungkin ini ketentuan Allah untuk Tun, membantu kami hingga ke akhir hayat.
Semoga Allah sentiasa memberikan rezeki kesihatan mental dan fizikal dan diberikan ketabahan buat Tun n isteri

19. [Log in to Reply lisa](#) May 16, 2015 9:53 AM

Selamat hari guru

20. [Log in to Reply joetamchi](#) May 16,2015 4:34 AM

Menyempurnakan Akhlak
Ikhlas berbudi, tingginya Akhlak..
Hati yg mati , buruklah Akhlak..
Akhlak Penyangak, Akhlak Perompak...!!

Hancur negara,
pemimpin berakhlak rosak ..!!

Sempurnakanlah Akhlak murni...
Akhlak ikhlas menabur budi...
Barulah ia berdarjat tinggi..
Bukan seperti sekarang nie...!!!

#MalaysiaMalaysia

21. [Log in to Reply joetamchi](#) May 16,2015 4:18 AM

Guru Membina ILMU,
ILMU dibina, ILMU ditimba..
Sudah tersedia, terus menimba..
Andai dipunya, sebarkan ia...

YaAllah
Segalanya ILMU milik ALLAH,
PesuruhMu, Rasulullah.

22. [Log in to Reply joetamchi](#) May 16,2015 4:05 AM

Selamat Hari Guru 2015

Tema Hari Guru 2015

Guru Membina Ilmu,
Menyempurnakan Akhlak.

Tugas dan Tanggungjawab sebagai guru berat, jika dianggap berat.
Mudah, jika mengambil mudah.
Mulia, jika dilaksana dengan sepenuh jiwa raga.

Lillahita'ala

23. [Log in to Reply joetamchi](#) May 16,2015 4:00 AM

3M
Membaca
Menulis
Mengira

BerDaulatlah Malaysia

Selamat HARI GURU
Menuntut ILMU, Menimba ILMU..
Seikhlas budi, Menyebar ILMU
Terima Kasih CIKGU...

Melayu bersatu
Demi kerana ILMU..
Bukan utk penuhkan saku
Bukan utk jadi penipu...

Malaysia maju
Bersama ILMU..
Negara tidak akan ditipu
Musuh sentiasa memerhati selalu..

24. [Log in to Reply Hajar](#) May 16, 2015 12:50 AM

Salam YAB dan Yang DiKasihi Tun,

1. DS Nazir (adik PM) sarankan 'lembaga yg bertanggung-jawab' dalam 1MDB supaya bersikap lebih bertanggung-jawab dalam menangani kemelut 1MDB; jika tidak letak jawatan. Tidak lama dulu dia kata, "My strong advise is to put this issue (1MDB) behind us" (as if it's a small issue).

2. Sepatutnya beliau terus saja sebut nama DS Najib sebagai orang yang PALING bertanggung-jawab sebab bukannya beliau selaku Penasihat 1MDB @ Menteri Kewangan @ PM yang memungkinkan 1MDB mendapat pinjaman 42 BILLION ringgit walaupun modal permulaan cuma 1 juta ringgit?

3. Lagipun, kesemua keputusan 1MDB dibuat tanpa pengetahuan kabinet (ahli2 kabinet termasuk TPM pun 'blur'), tapi bila bermasalah, barulah timbul fakta yang 1MDB adalah milik penuh Kementerian Kewangan @ Kerajaan. Sudahlah tanah2 Kerajaan dijual kepada 1MDB pada harga 'ciput/murah' – penjualan tanah atas 'nasihat' siapa agaknya?

Terima kasih Tun.

*** Semoga Allah S.W.T. sentiasa melindungi Tun sekeluarga. ***

25. [Log in to Reply RashdanRashidi](#) May 15, 2015 11:03 PM



Nak buat mcm mana ... majlis tertinggi UMNO semua takut dgn Najib Semua tak nak muflis . Semua ahli Majlis Tertinggi dah dalam comfort zone, They slowly forgot their role in the party and being blinded by their wealth. Rasa nk msuk UMNO tapi will my voice be heard? who am I for them to listen to my words? But Your words Tun will be heard a thousand miles even when u are just whispering.

26. [Log in to Reply professional malay](#) May 15, 2015 9:42 PM

If the government treats the citizens like a trash, it will be vice versa...or in Malay, kalau kerajaan melayan rakyat macam sampah, rakyat pun meyampanh...

27. [Log in to Reply](#) **yuza** May 15, 2015 9:04 PM

As-salam Tun,
saya ingin menyatakan bahawa saya juga tidak bersetuju atas pemberian BR1M.
Saya bukan lah graduan yang berkaitan dengan bidang profesional, cuma lah rakyat biasa yang ingin menyuarakan pendapat. Apa yang saya lihat, pemberian BR1M memang membantu. Tetapi dalam pada masa yang sama memanjakan rakyat yang mempunyai tubuh badan yang sihat, serta mampu bekerja dengan wang ringgit bukan lah perkara yang boleh dibanggakan bagi seorang pemimpin. Bantuan wang, akan menjadikan rakyat bergantung harap pada kerajaan dan memupuk sikap 'tidak berdikari'. Bagaimana kita hendak melahirkan rakyat minda kelas satu, sedangkan dari awal lagi tidak disemai dengan sikap 'berusaha sendiri'. Kerajaan sepatutnya lebih memfokuskan peluang pekerjaan, pembangunan di negeri-negeri yang masih belum maju. Sedangkan dahulu, semasa negara masih di bawah pemerintahan Tun, rakyat masih boleh 'survive' tanpa perlu bantuan wang. Harga barang pula jarang sekali naik mendadak, atau naik dengan jumlah yang banyak. Berbeza sekali dengan pemerintahan sekarang. Saya berharap, pemerintah sekarang boleh menerima nasihat Tun memandangkan pengalaman Tun lebih lama dalam memerintah. Semoga ada perubahan boleh dilakukan, kami sebagai bakal pemimpin di masa akan datang tidak sanggup meneruskan pemerintahan yang bercorak 'memberi' supaya di sokong. Kami mahukan kemajuan, kami mahukan peluang pekerjaan. Bukannya wang ringgit setiap tahun.

28. [Log in to Reply](#) **Hajar** May 15, 2015 8:39 PM

Salam YAB dan Yang DiKasihi Tun,

Syukur Alhamdulillah! Tun selamat mengerjakan umrah dan nampak sihat sekembali ke Malaysia.

Tun pasti telah berdoa di hadapan Kaabah agar Malaysia di jauhi dari pemimpin2 yang korup, lemah, liberal, boros, tiada jati diri Melayu/Islam, tidak bertanggung-jawab, 'blur' & tidak tahu berfikir, tidak amanah, hipokrit, pro-pembangkang, etc. Semoga doa Tun termakbul dalam masa terdekat ini.

Terima kasih Tun.

*** Semoga Allah S.W.T. sentiasa melindungi Tun sekeluarga. ***

29. [Log in to Reply](#) **Othaman Ahmad** May 15, 2015 7:51 PM

Usaha TDM janganlah saja diambil kira dari aspek untung laba perniagaan tapi perlu juga dilihat di sudut perolehan intangible yg manfaatnya untuk jangka panjang. Bukankah kebijaksanaan TDM itu menyediakan ribuan peluang pekerjaan, kemahiran di bidang automobil & teknologi modern dalam heavy industries. TDM ingin mengangkat martabat bangsa yg kita pun boleh berdaya saing, tak perlu lagi mengimport atau membeli dari negara asing. Seiring dgn itu, infrastruktur negara juga dinaikkan taraf guna untuk kemudahan harian komersial & awam.

Trial & error TDM adalah usaha berani & bukannya inisiatif buluh kasap seperti yg diguna pakai si anak Bugis. Tiap dasar, perancangan, program, semasa pemerintahan TDM adalah telus, transparan & berintegriti tanpa kecelaruan, misteri & hanky-panky.

Takkan lupa kot Dato Najib ooi bahawasanya masa sembahyang Jumaat khatib berada tinggi memandang jemaah jemaah sekalian di hadapannya. Bukan membuntutkan jemaah yang datang mendengar.

65. [Log in to Reply musato](#) May 12, 2015 9:13 PM

TNB dalam perundingan dengan 1MDB berkenaan jana kuasa.

Maximus menteri bertanggungjawab menjawab pertanyaan wartawan.

Apa motif 1MDB ditubuhkan kalau setakat cari makan di dalam negara dengan belian harga murah kemudian menjual kepada syarikat dalam Malaysia juga dengan tujuan keuntungan berlipat kali ganda?

Dah tentu secara logiknya Maximus tu hanya bertaraf menteri dan orang orang TNB pun lebih kurang kuasanya dari Menteri dan sedangkan penasihat 1MDB adalah Perdana Menteri sendiri.

Sebagaimana hanya dengan nasihat Perdana Menteri Tabung Haji bersetuju menjual semula tanah yang dibeli dari 1MDB.

Perdana Menteri kita ni jadi penasihat kepada siapa sebenarnya? Tabung Haji kah atau 1MDB kah?

Rasanya itulah namanya konflik of interest.

Lepas ni pasti TNB juga terjerat dengan 1MDB.

Kenapa? Kerana dah termaktub nama Perdana Menteri sebagai penasihat 1MDB kan.

Takkan itu pun tak boleh fikir wahai Dato Najib ooi

66. [Log in to Reply joetamchi](#) May 12, 2015 8:55 PM

The Hidden Secret
May 12, 2015

Tun Razak sikit la punye hebat tapi Najib sebaliknya...

#####

iman tak dapat diwarisi...
dari seorang ayah yang bertaqwa...
ia tak dapat dijual-beli...
ia tiada di tepian pantai...

https://youtu.be/n0X_yHbIJm4

67. [Log in to Reply man](#) May 12, 2015 8:44 PM

Salam Tun,

Semasa Pak Lah jadi PM, Tun jarang kelihatan di TV dan surat khabar. Bila Najib naik, ada jugalah Tun keluar. Ramai yang ingin mendengar buah fikiran Tun. Satu ketika dulu, semasa Tun jadi PM, kami sekeluarga mengikuti berita TV3 pukul 8 hampir setiap malam untuk mendapat inspirasi dari sidang media Tun atau ucapan2 Tun.

Dalam sebulan dua ni nampaknya TV3 dah jadi pentas untuk 'menghentam' Tun. Pelbagai pihak diketengahkan untuk kononnya membalas 'serangan' Tun terhadap Najib. Selera saya nak tengok berita TV3 dah berkurangan. Tapi ramai ahli akar umbi UMNO dan rakyat jelata, saya kira menonton berita TV3 setiap malam. Saya berharap mereka dapat menilai setiap berita berkenaan Tun secara bijak.

Syukurlah dengan adanya internet dapat juga membaca blog Tun.

Terima Kasih Tun.

68. [Log in to Reply Rizal Ali](#) May 12, 2015 6:07 PM

Tun,

1- UMNO dalam bahaya.

2- Parti-parti yang bernaung dibawah BARISAN NASIONAL juga tidak lagi menunjukkan minat mahu bersama-sama memainkan peranan yang jitu pada PRK-PRK yang lalu.

3- Boleh dikira hanya beberapa ramai sahaja ahli-ahli dari parti-parti lain turun bersama-sama ahli-ahli UMNO untuk berkempen.

4- Pasti akan terjadi PRU-14 UMNO akan menjadi sejarah.

5- Masih ramai lagi ahli-ahli UMNO yang berkepentingan merayap-rayap dan dahaga didalam UMNO.

6- Parasit-parasit ini perlu dihapuskan segera sekiranya mahu melihat umno terus memerintah dan memperjuangkan nasib orang-orang melayu.

7- DS Najib dan seluruh sekutu-sekutunya didalam UMNO perlu melepaskan jawatan.

8- Jika tidak pada PRU-14 akan datang UMNO dan BN akan menjadi sejarah yang akan dikenang sampai bila-bila.

9- Saya ahli UMNO yang sayangkan parti dan generasi akan datang berharap akan berlakunya reformasi besar-besaran pucuk pimpinan tertinggi parti dan juga seluruh parasit-parasit dihapuskan dengan kadar segera.

10- Malangnya tun terlalu awal melepaskan jawatan kepada Tun Abdullah dan DS Najib.

69. [Log in to Reply man](#) May 12, 2015 5:30 PM

Salam Tun,

Rakyat biasa seperti saya amat berterima kasih kepada Tun kerana masih sudi memberi sumbangan demi kepentingan Negara. Apa yang Tun buat sekarang adalah demi masa depan rakyat Malaysia dan kaum bumiputera khususnya. Tun tidak peduli apa orang cakap asalkan Tun telah memberi pandangan Tun untuk isu-isu penting Negara.

Semasa Tun menjadi PM dulu, undi yang BN perolehi amat tinggi baik di kawasan majoriti melayu atau sebaliknya. Ini disebabkan Tun popular di kalangan kaum melayu dan juga bukan melayu. Kenapa? Pada saya ini kerana Tun membela hak2 kaum bumiputera dengan amat lantang dan pada masa yang sama tidak menidakkan hak2 kaum lain. Kaum bumiputera ketinggalan dalam hampir semua bidang. Jika tidak dibela nasib mereka, jurang perbezaan akan lebih besar dan ini merbahaya untuk kestabilan dan keselamatan negara.

Tun juga telah menanam semangat Malaysia Boleh dengan jayanya sehinggakan banyak perkara yang kita tidak terfikir boleh dilakukan, telahpun dicapai. Pemerintahan Tun telah meletakkan nama Malaysia di tahap tertinggi.

Terima kasih Tun.

70. [Log in to Reply First scholar](#) May 12, 2015 4:21 PM

Menurut hemah sy, apakah tiada langsung "conscience" di dalam hati setiap menteri dan anggota kabinet untuk menegur dan memberi amaran kepada bos mereka ini. Apakah setiap menteri telah digula-gulakan atau diacukan senapang supaya senyap dan terus memberikan sokongan tak kira apa jua kesalahan dan kontroversi najib. Sekiranya betul ini yang berlaku, najib mungkin sudah bertaraf ketua mafia dan sangat mustahil untuk diturunkan. Ini adalah satu malapetaka.

71. [Log in to Reply aremay30](#) May 12, 2015 4:00 PM

Salam..

Pemimpin atasan sibuk berbalah dan tidak boleh mendengar teguran. Seorang pemimpin bijak tidak akan bertindak mengikut perasaan sebaliknya mengambil sesuatu pandangan sebagai tapisan pentadbiran.

Bila seorang pemimpin tidak nampak apa yang diusahakan untuk kemajuan rakyat Malaysia sendiri dalam bentuk kehidupan. Konsep Eyeque cukup mudah "social in education". Bunyi agak pelik dan tidak masuk akal tapi cukup bermakna pada sesiapa yang memahami. Di sebalik bersosial guru atau pensyarah dapat mencurahkan ilmu pada forum eyeque yang disediakan. Pendidikan tambahan percuma untuk menjadikan Malaysia negara berkualiti.

Dari sini kita dapat menggunakan masa bersosial sambil belajar. Sesuatu yang mengarut pada seseorang yang pertama kali mendengar dan menerima konsep kami ini. Bagaimana kita boleh menerima idea pelik dari barat sepatutnya begitu juga kita memberi peluang pada generasi muda untuk mengembangkan teknologi di Malaysia.

Ubah cara pemikiran kita usah di takuk lama. Beri sokongan untuk terus ianya bangun. Cukuplah para pemimpin berbalah demi kepentingan diri sendiri. Rakyat perlukan perubahan dari semua aspek termasuk teknologi yang paling utama. Terima kasih Tun Mahathir.

Amir Al Hafiz

Co-founders of Eyeque

<http://www.eyeque.net>

"make your life more valuable with Eyeque"

72. [Log in to Reply daeng](#) May 12, 2015 3:32 PM

Assalamualaikum.

Tun,

Saya mohon Tun buka dalam blog ini satu topik khusus untuk mengetahui peratus sokongan rakyat kepada Najib mengikut 2 fasa pentadbirannya:

1. Peratus sokongan anda kepada Najib sebagai PM dari tahun 2009-2012 ;

A. 0%-25% B. 26%-50% C. 51%-75% D. 76%-100%

2. Peratus sokongan anda kepada Najib sebagai PM dari tahun 2013-2015 ;

A. 0%-25% B. 26%-50% C. 51%-75% D. 76%-100%

Syarat survey, satu id hanya satu undian sahaja.

Saya yakin mereka yang mengundi akan memberi jawapan yang ikhlas.

Keputusan survey juga secara online seperti:

1. Bilangan memilih A=? ; B=? ; C=? ; D=?

2. Bilangan memilih A=? ; B=? ; C=? ; D=?

Sekian Tun.

73. [Log in to Reply WAN WAN](#) May 12, 2015 2:14 PM

Salam YAB Tun,

Sebagai tambahan kepada komen saya tadi, mengapa saya kata kerajaan bersifat kejam terhadap semua pekebun kelapa sawit termasuk warga FELDA kerana kadar cukai GST yg dikenakan kepada hasil jualan kasar buah kelapa sawit pada dasarnya adalah 6%. Tetapi untuk memdapatkan minyak masak sebanyak 1 tan memerlukan bahan mentah (buah kelapa sawit) sebanyak 5 tan(nisbah 5:1). Jadi 5 tan didarap 6% =30%. Pekebun kelapa sawit telah dikenakan cukai (GST) sebanyak 30% untuk 1

tan minyak masak!
Sekian. Terima kasih.

74. [Log in to Reply](#) **WAN WAN** May 12, 2015 1:26 PM

Salam YAB Tun,

Majoriti rakyat Malaysia merasa bangga dan terhutang budi dengan Tun, kerana kepimpinan Tun yg sangat prihatin terhadap semua rakyat selama ini. Kini rakyat mulai faham mengapa hutang 1MDB memberi kesan yg sangat buruk terhadap rakyat dan ekonomi negara. Keputusan PRK di Permatang Pauh dan Rompin telah membuktikannya.

Disebabkan hutang 1MDB yg sangat tinggi nilai RM meredum, Taraf (rating) hutang negara dalam keadaan bahaya, berkemungkinan diturunkan. Dana tabung kewangan seperti TH, KWAP dan KWSP berkemungkinan akan digunakan untuk menyelamatkan (bail out) sykt 1MDB. Yg paling kejam sekali ialah semua rakyat Malaysia juga terpaksa menanggung hutang 1MDB dengan pelaksanaan cukai barangan dan perkhidmatan (GST). Majoriti rakyat jelata telah kesempitan kerana kadar inflasi yg tinggi telah dibebankan lagi dengan GST.

Kerajaan juga berlaku kejam terhadap semua pekebun kelapa sawit termasuk warga FELDA dengan mengenakan cukai (GST) ke atas hasil jualan kasar buah kelapa sawit sebanyak 6% walaupun buah kelapa sawit adalah bahan mentah yg belum diproses menjadi minyak masak. Pihak kerajaan harus memahami bahawa orang kampung telah dibebankan dengan kenaikan harga baja, racun rumpai, barang keperluan harian dll kerana GST.

Saya sangat bersetuju dengan apa yg Tun telah katakan bahawa BN akan tumbang pada PRU14 jika masalah kepimpinan dan masalah rakyat tidak diselesaikan dengan secepat mungkin. Sekian, Terima kasih.

75. [Log in to Reply](#) **syafiz** May 12, 2015 12:06 PM

Assalamualaikum Tun dan Salam sejahtera kepada semua pembaca. Di sini saya nak beri sedikit pandangan tentang masalah yg dihadapi oleh kita semua.

1. saya terbaca dalam surat khabar bahwa najib tidak akan berundur dari jawatan Pm sebab masih percaya bahwa org Umno masih sokong beliau.

2. Dia percaya bahwa suara rakyat tiada yg menolak beliau.

3. Gst ?

Jawapan dan pandangan saya:

1. Saya percaya jawapan Tun.

2. Saya dah lihat di Fb ramai org muda yg kutuk Najib. Tapi apa yg beliau buat. Berdiam diri dan buat bodoh mcm tidak ada apa2 yg berlaku. Padahal kita sebagai pemimpin harus terima pandangan rakyat di media2, youtube laman social. Tapi najib dalam blog pon ruangan komen pon tiada. bagaimana suara rakyat nak dengar. Banyak cerita2 atau kontroversi yg tidak dijawab oleh najib. Jika saya PM saya pon akan ambil keputusan untk berhenti. Saya tak mahu nama saya buruk dimata rakyat malaysia dan negara luar.

3. Saya terbaca kenyataan menteri bahawa banyak negara maju pakai gst. Bagi saya negara kita tak perlu ikut negara luar. Saya percaya negara luar lebih menghormati malaysia jika negara maju tanpa Gst. Apa yg saya nampak Gst hanya nak tampung hutang negara.

4. Lebih baik berundur jika tak mahu malu pada PRU 14. Saya percaya negara kita akan berperang jika pakatan menang. saya lihat sekarang kerajaan banyak gunakan polis untuk menutup kesalahan org2 tertentu. Saya dengar Umno banyak main duit. Saya tak hairan lah kenapa najib tak berundur.

Saya berfikiran terbuka bukan nak sokong siapa2 pon. ini pendapat saya. Saya bukan nak tuduh org ni salah org tu betul. Saya pon sayang Umno. Sayang Tun. Bila tengok Tun keseorangan saya sedih. Sudah banyak jasa Tun kepada negara kita. Jujur saya katakan susah saya nak sokong najib jika begini pentadbiran nya. Banyak kelemahan kerajaan sekarang. Saya sependapat dengan Tun tak kisah siapa yang ganti najib asalkan ikut undang2 .

Tabahkan hati Tun. We support Tun.

76. [Log in to Reply musato](#) May 12, 2015 11:47 AM

KETIKA CINTA BERTASBIH – Melly Goeslaw feat Amee

Bertuturlah cinta
Mengucap satu nama
Seindah goresan sabdamu dalam kitabku
Cinta yang bertasbih
Mengutus Hati ini
Kusandarkan hidup dan matiku padamu

Bisikkan doaku
Dalam butiran tasbih
Kupanjatkan pintaku padamu Maha Cinta
Sudah di ubun-ubun cinta mengusik resah
Tak bisa kupaksa walau hatiku menjerit

Ketika Cinta bertasbih Nadiku berdenyut merdu
Kembang kempis dadaku merangkai butir cinta
Garis tangan tergambar tak bisa aku menentang
Sujud sukur padamu atas segala cinta

77. [Log in to Reply musato](#) May 12, 2015 11:41 AM

Assalamualaikum Tun.

Kalau boleh saya tak nak sangat mencampuri urusan politik pentadbiran semasa ini. Tetapi kerana seperti semua sedia maklum, kita kita ini menurut perintah ketua kadangkala membuta tuli dan setia tidak bertempat.

Seperti yang telah saya nyatakan dahulu bahawa masalah sekarang ini perlu diselesaikan pada peringkat dalaman UMNO sendiri atau pun melalui pilihanraya.

Saya bersetuju dengan Daniel Noor.

Saya kira saya juga berhak bersuara mahupun menyuruh pengikut pengikut pembaca saya di dalam UMNO, (walaupun saya bukan ahli UMNO) bersuara dan berbuat sesuatu dalam membetulkan keadaan supaya Dato Seri Najib mendengar dan menerima kenyataan bahawa nasihat nasihat yang beliau terima dari kalangan mereka yang terdekat adakalanya adalah tidak betul.

Saya kira saya berhak bersuara kepada ahli ahli UMNO kerana saya turut bersama sama berdiri dengan bekas Perdana Menteri yang bertugas selama 22 tahun dengan jayanya.

Malah seperti saya menulis sebelum ini bahawa saya turut berjaya memberi idea dalam menyelesaikan MH17 dan Krisis Pentadbiran dan Ekonomi 2008.

Saya tidak memperoleh sebarang habuan. Cuma suatu ketika saya diberi pelepasan menulis tanpa tapisan dan approve secara terus di dalam blog ini. Ia umpama kepunyaan blog saya sendiri.

Itu tiada masalah bagi saya. Saya lebih sayangkan ibu bapa saya dan orang orang terdahulu dari mereka. Biarlah perut ibu saya sejuk mengandungkan saya, dan doa doa dan sedekah bacaan Al Quran saya sampai kepada arwah bapa. Saya tidak dapat membalas jasa mereka membesarkan kami selama kami masih kecil sehingga kami meningkat dewasa. Cuma itu dapat saya lakukan untuk mereka.

Nasihat saya, tegurlah pemimpin anda. Itu adalah pekerjaan anda. Anda bertanggungjawab untuk melaksanakan tanggungjawab anda.

Kadangkala kita memikirkan tentang kehidupan kita, tetapi untuk menjadi seorang pejuang itulah harga yang perlu kita bayar. Bukan semata mata untuk mencapai self esteem dalam menyertai pertubuhan.

Ingatlah kita perlu membayar dengan sesuatu harga untuk sebuah pengorbanan.

Hidup dan matiku hanyalah untuk Allah (seperti yang kita selalu baca semasa sembahyang).

Terima kasih Tun.

78. [Log in to Reply](#) **Wan Asyraf** May 12, 2015 11:18 AM

Rakyat semakin marah, setiap hari api bertambah. Takut nanti jadi benda tak sepatutnya di Malaysia.

79. [Log in to Reply](#) **The Hidden Secret** May 12, 2015 10:59 AM

Peace!

Najib dan Rosmah telah menjadi seperti Ferdinan dan Imelda Marcos.

Mereka sudah tidak ada rasa malu. Mereka anggap rakyat bodoh. Memang betul pun rakyat bodoh... Survey membuktikan ramai rakyat Malaysia tidak peka isu 1MDB. Tapi itulah... Nak salahkan rakyat Malaysia pun tak boleh jugak sebab kebanyakan rakyat Malaysia cuma fokus untuk cari makan, cari duit untuk anak isteri dan tak ada masa nak sibuk-sibuk untuk fikir pasal 1MDB. Maklumlah, hidup semakin susah jadi terpaksalah fokus untuk cari makan, cari duit.

Tun Razak sikit la punye hebat tapi Najib sebaliknya.

Masalah Najib yang paling besar ialah Rosmah... Ini bukan perkara baru. Sejak dari Najib jadi Menteri Pertahanan lagi saya dah dengar kisah-kisah tentang Rosmah.

Bila dah jadi PM, Permata diwujudkan dibawah JPM dan Rosmah jadi boss Permata. Ratusan juta Ringgit disalurkan oleh Najib kepada Rosmah.

Tak puas dengan Permata, 1MBD ditubuhkan tanpa merujuk kepada kabinet atau Parlimen.

Tak puas lagi... Jet kerajaan digunakan oleh Rosmah keliling dunia. Kesian Najib kena naik pesawat TUDM. Tapi sebab sayang atau takut dengan Rosmah, Najib sanggup je naik pesawat TUDM. Sikit pun tak ada rasa malu Najib dan Rosmah ni. Diorang pekakkan telinga je bila orang mengata.

Tak puas lagi... Beli jet baru.

Tak puas lagi... Upgrade jet punye interior. Harga upgrade puluhan juta ringgit. Sapa yang bayar kalau bukan rakyat Malaysia yang tak ada masa nak pikir pasal 1MDB sebab sibuk nak cari makan untuk anak isteri?

Ini semua adalah SALAH GUNA KUASA oleh Najib! Salah guna kuasa ini dibiarkan sahaja oleh MT UMNO dan menteri-menteri kabinet. Mereka tetap sokong Najib!

Kepada Rosmah... Sementara Najib masih lagi jadi PM, enjoy your life to the fullest.

80. [Log in to Reply kalam putih](#) May 12, 2015 10:26 AM

PRK Parlimen Rompin Dan Permatang Pauh: Adakah Kemenangan Yang Dicari ?

Dan sebenarnya, PRK Rompin dan PRK Permatang Pauh kali ini bukan pentas politik semata-mata untuk menguji pertembungan di antara UMNO dengan PAS atau UMNO dengan PKR. Tetapi yang lebih utama, PRK Rompin dan PRK Permatang Pauh kali ini adalah pentas untuk menguji keutuhan tahaluf siyasi diantara PAS, PKR dan DAP. Begitu juga dengan UMNO, PRK di kedua-dua parlimen tersebut adalah pentas untuk menguji sejauh mana kesan tentangan Tun Mahathir terhadap Dato Seri Najib ke atas prestasi UMNO khususnya di Parlimen Rompin.

Artikel Penuh :

<http://kalamputihmenuliss.blogspot.com/2015/05/prk-parlimen-rompin-dan-permatang-pauh.html>

81. [Log in to Reply joetamchi](#) May 12, 2015 10:17 AM

In our Parliament recently, an UMNO MP during his speech told a story...

"There was a father who gave RM100/- each to his 3 sons and asked them to buy things and fill up a room completely.

First son bought hay for RM100/- but couldn't fill the room entirely.

Second son bought cotton for RM100/- but couldn't fill the room entirely.

Third son bought a candle for RM1/- and lit it up and the room was filled with light completely."

The proud UMNO MP declared, "Our Prime Minister NAJIB is like the third son. From the day he has taken charge of his office, our country is filled with the bright light of prosperity."

A voice from the backbench asked, "Where is the remaining RM99/-?"

Now the whole nation is asking this same question!!

82. [Log in to Reply joetamchi](#) May 12, 2015 10:13 AM

AsalamualaikumWBT..

Selawat & Salam ke atas Junjungan..
Salam sejahtera utk Tun dan keluarga...
Selamat beribadah, ucapan iringan...
Doakanlah hamba dan rakyat jelata..

Semoga segala yg tercinta
akan subur semula...

3M..
Melayu Bersatu..
Malaysia Maju..
Muhamad SAW, kekasihMu...

83. [Log in to Reply www.mukmin.biz](#) May 12, 2015 10:12 AM

Sekarang ini, pegawai EPU telah diheret ke muka PAC untuk beri keterangan.

1MDB punya angkara, kenapa pegawai kerajaan di EPU pula yang yang ditonjol?

84. [Log in to Reply sibotak](#) May 12, 2015 9:50 AM

Najib Lu kalau malas nak memikul Tanggung Jawab sebagai PM
Sampai mengambil orang luar sebagai Penasihat
Lu Harus letak Jawapan

HARAM UNDI SAYA UNTUK UMNO

85. [Log in to Reply sibotak](#) May 12, 2015 9:44 AM

Mengambil penasihat British di Putra Jaya ?

APAKAH MADSUD INI SEMUA TUN MAHATHIR ?
APAKAH MADSUD INI SEMUA TUN NAJIB ?
APAKAH MADSUD INI SEMUA ANGGOTA UMNO ?

Ini Tindakan Dayus
Ini mengkhianati Rakyat
Ini PM Malaysia Tun Najib Permalas
Ini sifat tidak bertanggung Jawab

KAMI MENYOKONG UMNO BUKAN UNTUK DIJAJAH BRITISH
ATAU MANA MANA BANGSA ATAU NEGARA

APA ERTI UNDI KAMI ? APA ERTI UNDI KAMI ?
APA ERTI DEMOKRATIK ? APA ERTI KEDAULATAN ?

Harapkan Pagar Pagar makan Padi
Harapkan Mamak Mamak minum Todi
Harapkan Najib Dayus sekali

86. [Log in to Reply](#) **suararakyat** May 12, 2015 9:09 AM

kepada tun,

saya prihatin kegusaran tun. Sesuatu perlu dilakukan untuk membuktikan rakyat tidak percaya kepimpinan pm najib. Memandangkan pm najib sangat percaya beliau disokong ramai kenapa tidak lakukan pilihanraya tidak rasmi melalui online yang menunjukkan keputusan terkini kepimpinan kerajaan. Sudah tentulah ini dibawah suruhanjaya pilihan raya. keputusan yang adil dan telus. saya yakin pm najib akan setuju dan sahut cabaran ini.

87. [Log in to Reply](#) **Hajar** May 12, 2015 9:02 AM

Salam YAB dan Yang DiKasihi Tun,

1. PM patut terima hakikat yang beliau GAGAL dalam mengurus dan mentadbir Malaysia.
2. Tun M mungkin menang kurang dari 50 undi pada 1987 dalam pemilihan UMNO, tetapi lebih dari 2/3 rakyat masih percayakan kepimpinan beliau. Dan beliau membuktikannya pada setiap PRU yg beliau terajui – ini FAKTA, bukan auta.
3. PM Najib @ Ah Jib Gor tidak disokong oleh majoriti rakyat (hilang majoriti 2/3 dan hilang undi popular) dan hakikat ini mesti beliau dan pemimpin2 UMNO lain terima. Jika rakyat tidak lagi menyokong Presiden UMNO, beliau patut di minta untuk meletak jawatan kerana rakyat yang akan mengundi pada pilihanraya. Undi ahli2 UMNO saja (yang kemungkinan besar ada yang protes secara senyap) tidak cukup untuk menang pada pilihanraya.
4. BerUNDURLah wahai PM Najib sebelum anda diundurkan dengan cara yg akan melakar sejarah hitam dalam keturunan anda dan juga UMNO.
5. Tun, saya mohon Tun supaya tidak terkesan dengan 'serangan' dari PM yang sudah mula 'melatah' dan 'merapu'. Beliau lupa yang Tun berusaha keras untuk membolehkan (dengan izin Allah SWT) beliau berada di tempat sekarang. Orang yang lupa diri dan derhaka akan menerima akibat buruk.
6. Kepada PM, jika anda masih tidak boleh menjawab soalam2 berkenaan 1MDB, elok simpan sajalah pendapat anda tentang Tun M, sebab bukan Tun M yang menjadi ketua Kerajaan pada masa ini. Biar sejarah menilai Tun M, dan biar sejarah juga menilai anda selepas anda bersara.

Terima kasih Tun.

*** Semoga Allah SWT sentiasa melindungi Tun sekeluarga ***

88. [Log in to Reply](#) **mr butang** May 12, 2015 8:56 AM

Assalam mualaikum,

saya doakan semoga tun sentiasa dalam keadaan sihat sejahtera.

Kita tahu akan bagaimana pemikiran Tun dalam segala hal. Akan tetapi kenapa masih ada pihak yang tidak mahu mendengar pandangan Tun akan hal-hal negara yang begitu serius yang melibatkan masa depan negara dan anak bangsa kita. Walaupun saya hanya orang kampung, tetapi saya ada rasa sayangkan negara, cintakan negara, rasa bimbang tetap ada akan melihat keadaan ekonomi, politik negara. Sebagai orang kampung, kami cukup terasa akan kesan GST. Mahu beli sesuatu barang mesti kai akan berpikir dua kali. Selepas kenaikan harga barang apa yang keluar dari mulut ayah saya adalah "kita akan kembali kepada masa dahulu, dimana kita orang kampung akan masak guna dapur kayu dan makan ubi seperti dahulu.

Jikalau Tun menjadi PM semula pun saya rasa majoriti rakyat Malaysia akan menyokong cadangan itu. Sebagai orang kampung kami bukan mahukan duit semata-mata, tapi kami hanya mahukan hidup selesa tanpa ada keluh kesah, rungutan, kebimbangan dalam hati. Akan tetapi, jika hendak membeli telur pun kami ada rasa resah, tiada guna juga kalau negara kita maju tetapi orang kampung terasa susah.

89. [Log in to Reply mustaqimabulrahman](#) May 12, 2015 8:53 AM

GST, 1MDB & TH: Saya Penerima BR1M Tidak Akan Undi BN

Saya telah menerima BR1M sebanyak 3-4 kali. Sebelum PRU 13 saya juga menerima BR1M dan jujur saya katakan pertimbangan mengundi saya dipengaruhi oleh wang BR1M yang saya terima.

Pada masa itu saya tidak merasakan ia rasuah kerana pertimbangan saya mengundi Calon BN di Parlimen Wangsa Maju mengambil kira penghormatan saya kepada Mantan MP Yang Berkhidmat Wee Choo Keong yang dianiaya PKR.

Tetapi kini saya merasakan ia rasuah jika saya undi BN pada PRU 14 kerana keyakinan saya pada BN dan UMNO amat amat menurun.

Saya seru kepada semua penerima BR1M agar tidak undi BN kerana BN mentadbir kerajaan dengan arrogance dan ignorance, mereka bg BR1M bukan lagi ikhlas tapi mahu beli kita....ambil BR1M dan dont vote unless...baca selanjutnya di..

<http://mustaqimabulrahman.blogspot.com/2015/05/gst1mdb-saya-penerima-br1m-tidak-akan.html>

90. [Log in to Reply I.D.A.](#) May 12, 2015 8:41 AM

Saya sokong. Orang muda (gen Y & Z) mungkin tak berapa menghargai jasa Tun.... Tapi kalau yang tua2 tu buat2 lupa. Bukankah Melayu mudah lupa? Bukan adab Melayu tak mengenang jasa.

91. [Log in to Reply immoral-equivalence](#) May 11, 2015 11:21 PM

Former Israeli president Katsev jailed 7 years for rape.
Former Israeli premier Olmert sentenced 5 years for corruption involving a ' miserly' 10 mil.
Former Israeli chief askhenazi Rabbi charged for corruption n money laundering yesterday.
Imagine the laws meted to the lower downs. Direct opposite here.
The religion is not tainted, the jewishness continues.
Do emulate them

92. [Log in to Reply Halim3869](#) May 11, 2015 10:39 PM

TUN,

Salam apa yang Tun tulis adalah benar belaka , pada pendapat saya mereka yang ada didalam umno tidak ikhlas memperjuangkan parti seperti zaman Tun memperjuangkan parti umno dan menaikkan martabat orang melayu Malaysia adalah sebuah Negara yang makmur dimana kaum melayu dapat merasakan kemajuan Negara dan hasil Negara yang juga melahirkan ramai cendiakawan orang melayu yang kini menjawat jawatan tinggi disektor awam mahupun kerajaan . Kini sudah berubah orang umno mahu pun menteri hanya menjaga kepentingan sendiri bak kata Tun kalau bukan orang melayu tolong melayu siapa lagi harapkan kaum lain jauh sekali >Saya amat yakin dan bersetuju pendapat Tun bahawanya PRU14 BN akan kalah sebab rakyat sudah tidak percaya kepada kerajaan 1MDP,Tabung Haji dah sebagainya ,saya sebagai rakyat biasa amat sedih kerana kita akan hilang suara atau orang melayu akan datang sekiranya BN atau parti umno kalah pada PRU 14 akan datang ,apakah orang harus meminta sedekah ditanah air sendiri atau dijajah lagi

93. [Log in to Reply Aidah](#) May 11,2015 10:20 PM

Assalamualaikum atok apa khabar. Me and my husband like to read ur blog and discuss about the issue you that atok bring up. Please stay healthy and Allah bless atok and the rest of the family despite all the things that happened in Malaysia.

94. [Log in to Reply semondo](#) May 11,2015 9:58 PM

Tun,

Nak buat lagu mana?
Berbuih dah mulut kita dok kata
Tapi dia buat derk ja
Yg MT dok nganga saja ka?
Yg kerabat diraja apa cerita
Ni rakyat dah tak mau dah kat dia
Awat depa dok sengap saja?

95. [Log in to Reply genY](#) May 11,2015 9:24 PM

Salam

Disini saya ada beberapa persoalan tambahan. Jika sesiapa yang boleh dan layak menjawab silakan.

1. Apakah yang terjadi tentang isu kapal selam negara?
2. Adakah DSN berada di sabah untuk uruskan perihal kapal selam negara?
3. Apabila wang not baharu diperkenalkan, apa terjadi kepada wang note yang lama?

Adakah wang note lama ini boleh 'dikitar semula' yakni digunakan untuk membuat pelaburan di luar negara?

4. Jika kadar ringgit yang semakin lemah adakah disebabkan oleh lambakan wang ringgit di seantero dunia seperti wang IDR kerana didagangkan rendah di pasaran dunia

5. Adakah MOF bertanggung jawab keatas wang note yang lama ini atau disimpan di dalam 'National Treasury'

Harap boleh dijawab persoalan generasi anak muda

96. [Log in to Reply Daniel Noor](#) May 11, 2015 9:20 PM

Assalam mualaikum,

Apa yang saya lihat Najib ini lebih memilih untuk tenggelam bersama UMNO dari berundur diri nya sekarang. Saya yakin dia juga dapat info di lapangan yg majoritas rakyat tidak berapa senang dengan cara dia mentadbirkan negara. Tapi dia juga di beri dukungan dan 'encouragement' dari Penasehat2 dan Konsultan2 dia dan dari keluarga dia juga. Najib lebih memilih untuk mengikut saranan dan nasehat dari org2 Professionals dari Rakyat jelata.

Malah sekarang kita semua boleh lihat cara Najib berpidato, terutama sekali kalau dia nak memalukan Tun. Cara dia bercakap dan berceramah lebih Kurang ajar sekarang banding dulu.

Yang boleh suruh dia berundur ialah ahli2 UMNO yg 3 juta itu dan perwakilan2 nya. Tapi semua tahu, Najib sudah 'pegang' semua Ketua Cawangan dan Ketua Bahagian termasuk beberapa Mentri dan Timbalan Menteri.

Masalah nya orang Melayu ialah bangsa yg bertoleransi dan suka bertolak ansur. Mereka merasa berat untuk berkeras secara terbuka dan mereka juga lebih suka ikut apa kata 'ketua' nya. Itu sebab kaum lain senang saja seret kita seperti lembu. The Malays will only become emotional and angry if you touch sensitive issues such as their religion, their race and their families. May 1969 was a good reference.

Kalau orang Melayu mau di hormati dan di segani oeh kaum lain, Najib harus berundur. Dan yg boleh menyuruh dia berundur ialah ahli2 UMNO dan perwakilan.

UNLESS Najib prefers the masses to stage big and massive demos nationwide seperti apa yg terjadi pada Marcos, Suharto, PM Thailand or Pakistan.

But this can be bloody which will not be good for everybody.

97. [Log in to Reply adikk](#) May 11, 2015 7:09 PM

Ayahanda Tun

1. Selamat menunaikan umrah semoga memperoleh umrah yang mabrur daripada Allah SWT.
2. Saya senada dengan ayahanda Tun agar DS Najib berundur baik dengan sukarela atau di turunkan.
3. Saya tidak lagi memperayai kepimpinan DS Najib. Banyak sangat yang tidak telus dan tidak nampak usahanya untuk kebaikan agama, bangsa dan negara.
4. DS Najib telah banyak mungkir janji dan ini ialah salah satu daripada ciri2 orang munafiq. Nauzubillahi min zalik.
5. Tindak tanduk DS Najib semakin hari semakin memualkan dan takut2 ia mengundang kemurkaan Allah.
6. Saya mengharapkan ayahanda istiqomah dalam usaha ayahanda meletakkan yang hak dan menolak yang bathil.

7. Saya yakin pertolongan Allah akan datang bagi membela yang hak dan menolak yang bathil. Wallahuaklam.

98. [Log in to Reply](#) **Othaman Ahmad** May 11, 2015 6:54 PM

Bulan lepas sewaktu menghadiri majlis perkahwinan anak saudara, kami saudara-mara berbual isu semasa & menyentuh insan bernama Dr. Mahathir. Kebetulan seorang dari kami yg masih diguna pakai oleh pihak KTM untuk menyelenggarakan khidmat kereta api di Jeddah & Medinah sewaktu musim haji memberitahu nama Mahathir amat dikenali & dihormati oleh penduduk tempatan di sana dan juga tetamu2 Allah dari setiap pelusuk dunia. Di sana bila mereka ketahui kita dari Malaysia, pasti mereka akan sebut nama Mahathir walaupun Dr. Mahathir dah lama berhenti dari jawatan PM. Seolah-olah sinonim sekali Malaysia Itu Mahathir atau sebaliknya. Nama2 gah seperti Anwar, Hadi Awang, Nik Aziz, Abdullah Badawi maupun Najib Abd Razak, langsung tak dikenali oleh mereka. Itulah barakah yg dikurniakan Illahi kpd Negarawan Terulung kita.

Apapun Dr. Mahathir sebagai insan tidak dapat lari dari kekhilafan tapi bukan kesalahan selama 22 tahun pemerintahannya. Beliau memimpin & bukan dipimpin. Beliau meletak nama Malaysia di PETA dunia. Langkahnya mempercepatkan waktu (1/2 jam) diterima pakai & diiktirafkan pihak Maritim dunia, termasuk kiasu Spore. Beliau sentiasa jadi buruan pemberita Akbar & media tempatan dan dunia luar. Beliau Pemikir hebat dan ucapannya sentiasa jadi headlines atau tajuk berita seluruh jagat. Kehebatan serta keberaniannya cukup menyerlah ketika diwawancara dalam Hardtalk oleh pihak BBC berhubung kezaliman Zionist yahudi terhadap Palestin, matawang antarabangsa, serangan PBB ke atas Iraq, lagak USA menjadi polis antarabangsa dll. Hingga ke saat ini pun walau telah tidak pegang jawatan PM & dah lanjut usia, beliau masih diiktiraf seluruh dunia & sering dijemput memberi ucapan forum di persada antarabangsa.

Namun masih ada insan2 seagama & sebangsa yg terus menghina serta mengecam Negarawan Terulung ini.

11 May 2015 at 18:49

© 2015 — All Rights Reserved.

Source: <http://chedet.cc/?p=1707>